

HARGA GULA MENTAH DAN KELEMAHAN RINGGIT MENGGUGAT KEWANGAN MSM

KUALA LUMPUR, MEI 31, 2017 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), mengalami kerugian - yang pertama sejak penyenaiaannya pada tahun 2011, bagi suku tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017, disebabkan penurunan nilai mata wang tempatan dan pemulihan lewat bagi harga gula mentah antarabangsa.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan, Kumpulan MSM telah mencatatkan kerugian daripada operasi (LBT) sebanyak RM39.56 juta diikuti oleh kerugian bersih (LAT) sebanyak RM34.62 juta bagi suku pertama 2017, disebabkan oleh peningkatan mendadak kos gula mentah dan lain-lain faktor luaran yang tidak boleh dikawal.

Walau bagaimanapun, perolehan meningkat sebanyak 17.3% daripada RM553.16 juta yang dicatatkan pada suku pertama 2016 kepada RM648.97 juta pada suku pertama 2017. Perolehan yang mantap ini dibantu oleh peningkatan volum jualan sebanyak 22.8% dan juga peningkatan harga jualan purata bagi segmen pasaran keseluruhan.

Kos pengeluaran gula bertapis untuk MSM terus meningkat pada suku pertama 2017 akibat daripada kelemahan Ringgit berbanding suku pertama 2016. Lantaran itu, faktor ini menyebabkan MSM membayar jumlah yang lebih tinggi dari segi Ringgit per tan metrik untuk pembelian gula mentah.

Berikutan prospek industri yang suram, perbandingan tempoh suku pertama 2016 dan suku pertama 2017, kos MSM dalam urusan pembelian gula mentah meningkat sebanyak 45.51% dari segi Ringgit per tan metrik. Manakala dari segi 'Forex', kadar purata MSM berurusanniaga dalam nilai USD telah juga meningkat sebanyak kira-kira 4.1% untuk tempoh yang sama.

Oleh yang demikian, margin keuntungan kasar MSM menyusut sebanyak 97.1% berbanding suku yang sama tahun lepas.

"Kami memantau pergerakan Ringgit-Dollar dan melindungi nilai pendedahan USD pada setiap suku. Matlamat kami adalah untuk mendapat kadar purata dalam ketidaktentuan Forex serta

mencapai kawalan yang lebih baik ke atas kos bahan yang diimport," kata Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari.

Amri Sahari menambah, "Perlu diingat bahawa sejak penubuhan, kami sentiasa mengekalkan pertumbuhan yang progresif. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa keputusan yang kurang baik pada suku ini dialami oleh kebanyakan pasaran yang terlibat dalam komoditi gula di peringkat global. Walaupun terdapat penurunan beransur-ansur harga gula mentah antarabangsa, komoditi gula global beroperasi secara sukar dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu. Kami terus berbincang dengan kerajaan dan sentiasa memaklumkan kepada mereka mengenai perkembangan terkini pasaran gula global dan berharap mencapai hasil yang positif."

Selain daripada memanfaatkan penggunaan aset sedia ada dan mengekalkan penjanaan aliran tunai, Kumpulan MSM akan bertumpu pada pelaburan semasa untuk mengukuhkan syarikat dagangannya di Dubai dan memastikan pembinaan kilang penapisan Johor berjalan lancar – kini kerja pembinaan dijangka sebanyak 45% selesai dan mengikut bajet yang ditetapkan.

Jelas sekali, MSM amat berpengalaman serta telah berjaya melalui pelbagai kitaran pasaran dalam sejarah 53-tahun penubuhannya melalui kepakaran, pemahaman pasaran tempatan dan memenuhi keperluan pelanggan yang kian lama dalam usaha mengharungi kitaran pasaran kini.

Kini, usaha telah dipertingkatkan bagi memastikan bekalan gula stabil terutamanya pada musim perayaan yang akan datang dan berharap untuk pemulihan yang segera.

-TAMAT-

Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluar gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dan telah muncul sebagai salah satu daripada 50 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM3.55 bilion (sehingga Disember 2016). Ia juga anak syarikat milik Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dengan pegangan saham 51%.

Secara dasarnya, MSM menjalankan operasi perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpangkalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2016, MSM telah menghasilkan 1,117,010 tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan sebanyak 135,160 tan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik dalam anggaran 60%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

noorbaya.my@msmsugar.com

Muhammad Aniz Mohd Azmi

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

aniz.ma@msmsugar.com